Ahli-Ahli **Members**

Y.Bhg. Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir
Pengarah Urusan
Managing Director
KPJ Healthcare Berhad

Y.Bhg. Dato' Dr. Jacob Thomas
Presiden, Persatuan Hospital Swasta Malaysia
President, Association of Private Hospitals of Malaysia

En. Wan Latiff Wan Musa
Pengarah, Bahagian Khidmat Pengurusan
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar
Director, Management Services Department
Malaysia External Trade Development Corporation

Y.Bhg. Puan Sri Datuk Dr. Suraiya Hani Hussein
Timbalan Presiden
Deputy President
Malaysian Society for Quality in Health

Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Muhammad Kadar Marikar
Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer
Malaysian Society for Quality in Health

Y.Bhg. Dr. Mary Suma Cardosa
Bekas Presiden
Past President
Malaysian Medical Association

En. Mohd Rasli Muda
Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Bisnes dan Profesional
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
Director, Business and Professional Services
Malaysian Investment Development Authority

Y.Bhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan
Director General of Health, Ministry of Health

Y.Bhg. Dr. Ahmad Razid Salleh
Pengarah, Bahagian Amalan Perubatan
Kementerian Kesihatan
Director, Medical Practices Department
Ministry of Health

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Syed Mohamed Al-Junid
Professor of Health Economics and Consultant in Public Health
Medicine Senior Research Fellow
United Nations University

Y.Bhg. Dr. Mary Wong Lai Lin
Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer
Malaysia Healthcare Travel Council



PERKILANGAN manufacturing

Pengerusi **Chairman**

Y. Bhg. Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw
Ahli Majlis
Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
Council Member
Federation of Malaysian Manufacturers

Ahli-ahli **Members**

Y. Bhg. Dato' Dr Ong Eng Long
Penasihat Teknikal
Technical Advisor
Kossan Rubber Industries Bhd.

Y. Bhg. Dato' Abd Majid Kutiran
Pengarah Kanan
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Senior Director
Ministry of International Trade and Industry

Prof. Ir. Dr. Sha'ri Mohd Yusof
Timbalan Dekan Pengajian Siswazah
Universiti Teknologi Malaysia
Deputy Dean (KL) School of Graduate Studies
Technological University of Malaysia

Mr. Choy Ming Bil
Ahli Majlis
Council Member
Expertise Resource Association

En. Wan Mohd. Naim Shukri Mohamed
Naib Presiden
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Vice President
Malaysian Trades Union Congress

Mr. Basil Sim
Pengurus Kanan, Rantaian Pembekalan Perolehan
dan Pengurusan Perniagaan
Senior Manager, Business Management and
Procurement Supply Chain
Spirit Aerosystems Malaysia

Mr. Subramaniam a/I Karuppan
Ahli Majlis Council Member
The Electrical and Electronics Association of Malaysia

Ir. Vincent Chen Kim Keong
Presiden
President
The Institution of Engineers Malaysia (IEM)

En. Sofiyan Yahya (MOGSC)
Presiden
President
Malaysia Oil & Gas Services Council

KREATIVITI & INOVASI

creativity & innovation



PEMBINAAN

construction



Pengerusi Chairman

Y.Bhg. Prof Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak
Penyandang Kursi Kepimpinan Islam
Universiti Sains Islam Malaysia
Chair of Islamic Leadership
Islamic Science University of Malaysia

Ahli-ahli Members

Y.Bhg. Prof. Dr. Zainul Fadhiruddin Zainuddin
Pengarah
Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia
Director,
Malaysia Technology Development Corporation

Y.Bhg. Dr Sidney Yee
Perunding Kanan, Universiti Sains Malaysia
Lead Consultant, University Science of Malaysia

Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa
Profesor, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Professor, Sultan Idris University of Education

Y.Bhg. Datuk Ahmad Shukri Tajuddin
Ketua Pegawai Eksekutif, Senai Hi-Tech Park
Chief Executive Officer, Senai Hi-Tech Park

En. Zaaludin Abdullah
Timbalan Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Deputy under Secretary
Ministry of Science, Technology and Innovation

En. Muhammad Aziph Dato' Mustapha
Ketua Pegawai Operasi, Yayasan Inovasi Malaysia
Chief Operating Officer, Malaysia Innovation Agency

Dr Mazalan Kamis
Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Inovasi Malaysia
Chief Executive Officer, Malaysia Innovation Agency

Y.Bhg Datin Yasmin Mahmood
Pengarah Eksekutif, YTL Communications Sdn Bhd
Executive-Director, YTL Communications Sdn Bhd

Y.Bhg. Datuk Dr. Khair Mohamad Yusof
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
Director General of Education, Malaysia
Ministry of Education, Malaysia

En. Mark Rozario
Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Inovasi Malaysia
Chief Executive Officer, Malaysia Innovation Agency

En. Abdullah Fadzil Harun
Wakil, Agensi Inovasi Malaysia
Representative, Malaysia Innovation Agency

Pengerusi Chairman

Y.Bhg. Datuk AG Buhtamam AG Mahmun
Pengerusi Eksekutif
Kumpulan Syarikat One Holding Sdn. Bhd
Executive Chairman
One Holding Sdn Bhd Group of Companies

Ahli-ahli Members

Y.Bhg. Dato' Sri Ir. Dr Judin Abdul Karim
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan
Chief Executive
Construction Industry Development Board Malaysia

Y.Bhg. Dato' Ng Kee Leen
Master Builders Association Malaysia

Y.Bhg. Dato' Tan Gim Foo
Pengarah Urusan
Managing Director
IJM Corporation Berhad

Ir. Tn. Hj. Mohd Mazlan Mohd Ismail Merican
Ahli Majlis, Institusi Jurutera Malaysia
Council Member, Institut of Engineers Malaysia

Ar. Lim Pay Chye
Ahli PAM, Persatuan Arkitek Malaysia
PAM Member, Malaysian Institute of Architects

Dr. Uzir Mahidin
Pengarah
Jabatan Statistik, Jabatan Perangkaan Malaysia
Director
Statistics Department, Department of Statistics Malaysia

KUALITI KEHIDUPAN BEKERJA

quality of working life



Pengerusi **Chairman**

Y.Bhg. Tan Sri Ismail Adam
Pengerusi, Hay Group Sdn. Bhd
Chairman, Hay Group Sdn. Bhd

Ahli-ahli **Members**

En. Khoo Boo Seng
Pengarah Kanan Bahagian Perancangan Strategik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
**Senior Director Department of Strategic Planning
Ministry of International Trade and Industry**

Y.Bhg Dato' Seri Zainal Rahim Seman
Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia
Secretary General, Ministry of Human Resources

Y.Bhg Tan Sri Abd. Ghafar Mahmud
Ketua Pengarah, Kementerian Pengajian Tinggi
Director General, Ministry of Higher Education

Pn. Liew Siew Lee
Pengarah Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
**Director Manufacturing Industry, Science and Technology
Economic Planning Unit, Prime Minister Department**

Y.Bhg Tan Sri Datuk Yong Poh Kon
Presiden, Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia
President, Federation of Malaysia Manufacturers

Y.Bhg Tan Sri Azman Shah Dato' Seri Haron
Presiden, Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia
President, Malaysia Employers Federation

Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Rujhan Mustafa
Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
**Director General, Department of Higher Education
Ministry of Higher Education, Malaysia**

Y.Bhg Dato' Hafsa Hashim
Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corporation Malaysia
Chief Executive Officer, SME Corporation Malaysia

PELANCONGAN

tourism



Pengerusi **Chairman**

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Azman Shah Dato' Seri Haron
Pengerusi, Antara Holiday Villas
Chairman, Antara Holiday Villas

Y.Bhg. Dato' Anthony K.S Yeo
Naib Presiden, Resort World Sdn. Bhd.
Vice Senior President, Resort World Sdn. Bhd.

Ahli-Ahli **Members**

Y.Bhg. Dato' Dr. Ong Hong Peng
Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan Malaysia
Secretary General, Ministry of Tourism Malaysia

Y.Bhg. Dato' Mohd Khalid Harun
Presiden, School of Tourism, Malaysia
President, School of Tourism, Malaysia

Y.Bhg. Dato' Mirza Mohammad Taiyab
Ketua Pengarah, Kementerian Pelancongan Malaysia
Director General, Ministry of Tourism Malaysia

En. Azman Hj. Tambi Chik
Ketua Pegawai Eksekutif
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.
**Chief Executive Officer
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.**

Y.Bhg. Dato' Mohd. Sahar Darusman
Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Manusia
Deputy Secretary General, Ministry of Human Resources

En. Shahrudin Mohamad Saaid
Pengarah Eksekutif
Persatuan Agensi-agensi Pelancongan dan
Pengembaraan Malaysia
**Executive Director
Malaysian Association of Tour and Travel Agents**

Y.Bhg. Prof Dr. Ghazali Musa
Pensyarah
Jabatan Polisi dan Strategi Perniagaan, Fakulti Perakaunan dan
Perniagaan
**Lecturer
Department of Business Strategy and Policy, Faculty
of Business and Accountancy University of Malaya**

Y.Bhg. Datuk Dr. Muhamad Nasir Hamzah
Presiden, Persatuan Hotel Bajet Malaysia
President, Malaysia Budget Hotel Association



KE ARAH DAYA SAING GLOBAL
TOWARDS GLOBAL COMPETITIVENESS



chapter 1

“ Momentum perubahan tidak akan sesekali bergerak perlahan. Sekiranya ada, persaingan di antara kebanyakan industri akan terjadi dengan lebih pantas dalam beberapa dekad lagi.

The rate of change is not going to slow down anytime soon. If anything, competition in most industries will probably speed up even more in the next few decades. ”

— John P. Kotter

Daya saing menjadi agenda utama negara seiring dengan program transformasi Kerajaan ke arah merealisasikan Malaysia sebagai sebuah Negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. Memartabatkan daya saing Malaysia di arena antarabangsa adalah sesuatu yang sangat mencabar dan memerlukan tumpuan dan usaha yang berterusan dari pelbagai pihak. Selaras dengan hasrat negara untuk melonjakkan Malaysia di kedudukan yang tertinggi di kalangan negara-negara yang paling berdaya saing, ia telah menjadi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada beberapa kementerian dan agensi.

Dalam usaha meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa, MPC merupakan salah satu agensi yang dipertanggungjawabkan untuk memantau prestasi daya saing negara dalam laporan-laporan daya saing antarabangsa. Sehingga kini, MPC memantau lebih daripada 30 laporan antarabangsa dan menyediakan 27 *topline reports*. Daripada kesemua laporan tersebut, terdapat tiga laporan daya saing utama yang dipantau oleh MPC iaitu *World Competitiveness Yearbook* (WCY), *Global Competitiveness Report* (GCR) dan *Doing Business* (DB). Prestasi Malaysia dalam ketiga-tiga laporan tersebut akan dilaporkan dan dibentangkan kepada Mesyuarat Jemaah Menteri untuk perbincangan serta tindakan di peringkat kementerian dan agensi.

Malaysia berada di kedudukan ke-15 daripada 60 ekonomi dalam laporan *World Competitiveness Yearbook* 2013 (WCY 2013), di kedudukan ke-24 daripada 148 ekonomi dalam laporan *Global Competitiveness Report* (GCR 2013-2014) dan seterusnya telah mencatatkan lonjakan yang memberangsangkan kepada kedudukan ke-6 daripada 189 ekonomi dalam laporan *Doing Business* 2014 (DB2014) dari tempat ke-12 pada tahun sebelumnya. Malaysia berjaya menjadi 10 negara teratas lebih awal daripada sasaran asalnya yang dijangka akan dicapai pada 2015. Pada kedudukan tersebut, Malaysia ditempatkan setaraf dengan Singapura, Hong Kong, New Zealand, Amerika Syarikat dan Denmark. Ini juga bermakna Malaysia mengatasi Korea, Norway, United Kingdom, Australia dan Finland.

Kejayaan yang dicapai dalam *Doing Business* merupakan sebahagian daripada hasil usaha bersepadu melalui kolaborasi strategik antara sektor kerajaan dan swasta yang giat dijalankan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, mengurangkan

Competitiveness is the nation's main agenda in line with the Government's transformation programme towards making Malaysia a high income developed nation by year 2020. Upholding Malaysia's competitiveness in the international arena is particularly challenging and requires focused and concerted efforts from all parties. As such, in tandem with the nation's aspiration to position Malaysia to be among the top most competitive countries, competitiveness has become the Key Performance Indicator (KPI) to several ministries and agencies.

In efforts to elevate Malaysia's international competitiveness, MPC is one of the agencies being entrusted to monitor the nation's competitiveness performance in various international competitiveness reports. Currently, MPC monitors more than 30 international reports and prepares 27 topline reports. Out of all the reports, there are three main competitiveness reports being monitored closely by MPC namely *World Competitiveness Yearbook* (WCY), *Global Competitiveness Report* (GCR) and *Doing Business* (DB). Malaysia's performance in all these three reports would be presented at the Cabinet Meeting for discussion and follow-up action at the ministry and agency levels.

In the *World Competitiveness Yearbook* report 2013, Malaysia was ranked at 15th position out of 60 economies; 24th out of 148 economies in *Global Competitiveness Report* (GCR 2013-2014) and achieved a significant surge to 6th position out of 189 economies in *Doing Business* Report 2014 from 12th position in the previous year. Malaysia had successfully achieved this well ahead of its target to be among the top ten by 2015. At 6th position, Malaysia has been placed in the same league as Singapore, Hong Kong, New Zealand, United States and Denmark. This ranking also places Malaysia ahead of economies such as Korea, Norway, United Kingdom, Australia and Finland.

The achievement in *Doing Business* could be attributed to the integrated efforts through public-private sectors' strategic collaboration that were actively carried out to create a conducive business environment, reducing and simplifying

prosedur dan peraturan perniagaan yang membebaskan serta dapat mengurangkan kos pematuhan perniagaan.

Pada tahun 2013, MPC melalui kolaborasi bersama *World Economic Forum* telah menjalankan kajian daya saing peringkat negeri iaitu *Malaysia Competitiveness Report* (MCR). Ini merupakan kajian daya saing peringkat negeri yang pertama kali dijalankan bersama agensi penarafan antarabangsa tersebut. MCR mengukur daya saing 12 negeri di Malaysia dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Metodologi kajian adalah merujuk kepada *Global Competitiveness Index* (GCI) oleh WEF yang berasaskan 12 teras daya saing. Kajian tersebut menganalisa prestasi daya saing peringkat negeri dan juga lima wilayah ekonomi utama dengan menonjolkan kekuatan dan peluang-peluang penambahbaikan masing-masing.

Kesemua negeri tersebut dibahagikan kepada lima wilayah utama iaitu Wilayah Utara yang terdiri daripada Pulau Pinang, Kedah dan Perak, manakala Wilayah Tengah adalah Selangor dan Kuala Lumpur. Johor, Melaka dan Negeri Sembilan bagi Wilayah Selatan, manakala Wilayah Pantai Timur terdiri daripada Kelantan, Pahang dan Terengganu serta Wilayah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Kajian ini dijangka akan dapat membantu kerajaan negeri mengenal pasti kekuatan dan peluang-peluang penambahbaikan ke arah meningkatkan lagi prestasi masing-masing. Secara logiknya jika setiap negeri di Malaysia membangun dengan lebih pesat dan kompetitif, akhirnya secara agregat akan dapat membantu mewujudkan sebuah negara yang lebih berdaya saing dan maju.

Seperti pada tahun-tahun sebelumnya, MPC terus menjalankan aktiviti pemantauan prestasi daya saing negara. Dari masa ke semasa ianya dibuat dengan lebih tersusun dan berstruktur melalui pelbagai program yang telah dan sedang dijalankan. Di peringkat agensi tempatan, Jawatankuasa Kerja dan Kumpulan Kerja Meningkatkan Daya Saing telah ditubuhkan. Jawatankuasa Kerja berperanan untuk membangunkan polisi Negara bagi menangani isu-isu daya saing jangka masa pendek dan panjang, memberi keutamaan kepada isu-isu daya saing yang memberi impak yang besar ke atas produktiviti, taraf hidup dan kepimpinan dalam pasaran global serta bekerjasama dengan badan-badan dan agensi

procedures and lessening business regulatory burdens as well as reducing the compliance costs.

In 2013, through an engagement with WEF, MPC had undertaken the study on competitiveness at the state level that was reported in the *Malaysia Competitiveness Report* (MCR). This is the first study at the state level conducted together with an international ranking agency. MCR measures competitiveness of the 12 states in Malaysia and the Federal Territory of Kuala Lumpur. The Report is based on the World Economic Forum's *Global Competitiveness Index* (GCI) methodology which is based on 12 competitiveness pillars. The study presented the relative competitive analysis at both the state and five regional levels showcasing their strengths and respective areas for improvements.

All the states were divided into five main regions namely Northern Region which consists of Penang, Kedah and Perak, with Selangor and Kuala Lumpur comprising the Central Region. Johor, Melaka and Negeri Sembilan for Southern Region, East Coast Region consists of Kelantan, Pahang and Terengganu while East Malaysia Region for Sabah and Sarawak. The findings of this study are intended to help the state government in identifying their strengths and improvement opportunities towards enhancing their performance respectively. Logically, if every state in Malaysia could accelerate their growth and competitive edge, aggregate wise it would enhance Malaysia's overall development and competitiveness.

As in previous years, MPC continues its monitoring activity on the nation's competitiveness performance, each time approaching it in a more systematic and structured manner through various programmes conducted and on-going programmes. At the local agency level, the Task Force and Working Group on Enhancing Competitiveness were set up. The objectives of the Taskforce are to develop national policy initiatives to address short and long term competitiveness issues; prioritise competitiveness issues that have the greatest impact on productivity, standard of living and leadership in global market; and to collaborate with relevant bodies and agencies as well as engaging with

yang berkaitan. Manakala Kumpulan Kerja Meningkatkan Daya Saing pula berperanan untuk mengenal pasti bidang penambahbaikan dan cabaran dalam meningkatkan daya saing Malaysia, menyelaraskan dan bekerjasama dalam usaha meningkatkan daya saing, dan mengesyorkan strategi dan pelan tindakan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia di peringkat global. Kedua-duanya diwakili dari agensi pusat yang terpilih dan juga sektor swasta.

Kumpulan Perancangan Antara Agensi (IAPG) telah ditubuhkan dan dianggotai oleh 17 agensi Kerajaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelajaran Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain. Kumpulan ini berperanan menyelaraskan dan bekerjasama untuk memastikan data daya saing yang dibekalkan kepada pihak luar adalah terkini, tepat dan mencerminkan situasi sebenar di Malaysia. Kumpulan IAPG akan menyemak, menilai dan menentusahkan data-data sebelum dibekalkan kepada agensi penarafan dan lain-lain agensi antarabangsa terlebih dahulu. Ia juga berperanan sebagai pusat rujukan sekiranya terdapat isu-isu berkaitan data daya saing.

Penglibatan MPC bersama lain-lain agensi kerajaan terus dipergiat dalam usaha untuk meningkatkan prestasi indikator-indikator daya saing yang memerlukan penambahbaikan atau dalam mengenal pasti punca masalah ketidakselarasan berkaitan data. Dalam konteks ini, MPC mengadakan perbincangan secara berterusan dan bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Sumber Manusia, *Multimedia Development Corporation* (MDeC) dan sebagainya. Usaha ini terus diperluaskan melalui kerjasama IAPG dan lain-lain kementerian serta agensi yang terlibat dengan pembekal data antarabangsa bagi memastikan data Malaysia yang dilaporkan adalah tepat dan terkini.

Di peringkat antarabangsa pula, MPC mengadakan kerjasama strategik dengan Rakan Institusi iaitu *Institute for Management Development* (IMD) dan *World Economic Forum* (WEF) di Switzerland.

Pada tahun 2013, beberapa lawatan kerjasama dan *study mission* telah dianjurkan seperti *the European Institute of Business Administration* (INSEAD), *Thailand Management Association* (TMA), APEC, A.T. Kearney serta IMD di Singapura. Hubungan kerjasama dengan beberapa agensi antarabangsa akan terus dijalin dan dipergiatkan dalam usaha untuk memahami metodologi serta kaedah yang digunakan dengan lebih baik dalam penerbitan masing-masing. Melalui hubungan strategik bersama ini dapat memberi peluang kepada MPC untuk mengemukakan sebarang cadangan penambahbaikan, usul atau komen terhadap penerbitan masing-masing.

international ranking agencies involved in enhancing Malaysia's competitiveness. While the Working Group on Enhancing Competitiveness aims to identify areas for improvement and challenges towards enhancing Malaysia's competitiveness, to coordinate and collaborate efforts in enhancing Malaysia's competitiveness, and to propose strategies and action plans to improve Malaysia's ranking in the world. Members of both these Taskforce and Working Group comprise representatives from the central agencies and the private sector.

The Inter-Agency Planning Group (IAPG) was set up and comprises 17 government agencies namely the Department of Statistics, Ministry of Finance Malaysia, Central Bank of Malaysia, Ministry of Science, Technology and Innovation, Ministry of Education, Ministry of Health, Ministry of Human Resources and others. IAPG coordinates and collaborates in ensuring competitiveness data provided to external agencies are current, accurate and reflective of the actual situation in Malaysia. IAPG will check and validate data prior to submission to ranking agencies and international agencies to ensure Malaysia's competitiveness data is well represented. It is also the focal point of reference for any data issues on competitiveness.

In its quest to improve competitiveness indicator performance that requires continuous improvement or identifying the root cause in relation to inconsistency of the data, MPC continues to intensify its engagement with other government agencies. MPC continuously discuss and work closely with Ministry of Education, Ministry of Health, Ministry of Works, Ministry of Human Resources, Multimedia Development Corporation (MDeC) and others. This effort is expanded through collaboration with IAPG as well as

Dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai kepentingan daya saing, Bahagian Daya Saing Global telah menganjurkan beberapa siri *Competitiveness Champion Programme* termasuklah seperti seminar, bengkel, *Competitiveness Open Day* dan perbincangan meja bulat (RTD). Melalui program ini, maklumat mengenai prestasi daya saing negara, inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan, perkembangan ekonomi semasa dan amalan-amalan terbaik syarikat telah dikongsi bersama peserta. Inisiatif ini secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi kefahaman terhadap kepentingan daya saing negara serta menangani persepsi negatif masyarakat ekoran daripada kurang faham terhadap isu daya saing. Pada tahun 2013, sebanyak 15 siri *Competitiveness Champion Programme* telah dianjurkan.

Selain daripada aktiviti tersebut, penyebaran maklumat daya saing kepada masyarakat juga disalurkan melalui penerbitan bercetak dan elektronik. Komunikasi melalui perhubungan awam sentiasa dipergiatkan untuk menyebarkan inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan. Bahagian ini telah menghasilkan 20 penerbitan sepanjang 2013 termasuklah *Competitiveness Booklets*, *Malaysian Innovators*, *PEMUDAH e-Bulletin*, *Global Competitiveness Infoline* dan *e-bookshelf*. Selain itu, *Competitiveness Mobile Apps* juga telah dibangunkan bagi memudahkan capaian data dan maklumat daya saing yang lebih meluas melalui internet. Bagi menggalakkan lebih ramai wartawan menulis isu berkaitan daya saing, *PEMUDAH Journalism Competition* akan terus dianjurkan pada tahun 2014 dan tahun-tahun seterusnya.

cooperation with other ministries and agencies which are involved as international data provider to ensure data supplied for Malaysia is accurate and latest.

At the international level, MPC has established several strategic engagements with partner institutes; Institute for Management Development (IMD) and World Economic Forum (WEF) in Switzerland. In 2013, several collaboration visits and study missions were organised such as INSEAD, Thailand Association Management, APEC, A.T. Kearney as well as IMD in Singapore. Cooperation with a few international agencies will continue to be carried out and intensified to understand methodologies and tools used in their respective publications. Through such mutual strategic relationships, MPC could escalate proposed areas for improvement, suggestions and comments on the respective publications.

Several series of Competitiveness Champion Programmes were carried out by the Global Competitiveness Division in the form of seminar, workshop, Competitiveness Open Day and round table discussion to enhance public understanding on the importance of competitiveness. Through these programmes, information on the nation's competitiveness performance initiatives carried out by Government, the latest economic updates and organisations' best practices were shared with the participants. Indirectly this initiative managed to increase appreciation on the importance of competitiveness and overcome any negative perceptions arising from lack of understanding on the issue. In 2013, a total of 15 series of Competitiveness Champion Programmes were organised.

Aside from these activities, competitiveness information are also disseminated to the public through electronic and printed publications. Communications through public relations were intensified to highlight the initiatives implemented by the government. In 2013, this Department published 20 publications including Competitiveness Booklets, Malaysian Innovators, PEMUDAH e-Bulletin, Global Competitiveness Infoline and e-bookshelf. In addition, the Competitiveness Mobile Apps was developed to facilitate easier access to competitiveness information and data for a wider outreach through internet. To encourage more journalists to write issues related to competitiveness, the PEMUDAH Journalism Competition would be continued in 2014 and the years ahead.

DAYA SAING GLOBAL GLOBAL COMPETITIVENESS



Memperluaskan tumpuan penandaarasan di peringkat negeri dan menyokong penandaarasan antarabangsa untuk kawal selia peraturan.
Expand focus to state level benchmarking and support international benchmarking for regulatory review.

Membangunkan maklumat makro ekonomi tempatan dan global berdasarkan daya saing Malaysia.
Develop global and national macroeconomic knowledge base on Malaysia's competitiveness.

PEMANTAUAN DAYA SAING COMPETITIVENESS MONITORING

Mengukuhkan kolaborasi Awam dan Swasta dalam bidang-bidang Perdagangan & Pelaburan, Kecekapan dan Produktiviti, Pendidikan, Persekitaran & Kesihatan dan Inovasi dan Teknologi.
Strengthen Public-Private collaboration in areas of Trade & Investment, Productivity and Efficiency, Education, Health & Environment and Technology & Innovation.

Mewujudkan Pasukan Petugas dan Kumpulan Kerja untuk meningkatkan daya saing.
Establish Taskforces and Working Groups to enhance competitiveness.

Membangunkan Strategi dan Pelan Tindakan.
Develop Strategies and Action Plans.

MENANGANI PERSEPSI MANAGING PERCEPTION

Penyebaran maklumat daya saing melalui penerbitan bercetak dan elektronik.
Dissemination of competitiveness information through printed and electronic publications.

Menganjurkan RTD, kolaborasi dengan pihak media, persidangan, seminar dan bengkel.
Organise Round Table Discussions (RTD), media engagements, conferences, seminars and workshops.

BERKOLABORASI UNTUK BERSAING COLLABORATE TO COMPETE

JALINAN STRATEGIK DAN KERJASAMA STRATEGIC NETWORKING AND ENGAGEMENT

Mewujudkan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dengan juara-juara (champions) daya saing.
Establish international and local collaboration with competitiveness champions.

Pemerolehan dan pengesahan data dengan rakan institusi.
Data acquisition and verification with partner institutes.

Membangunkan rangkaian-rangkaian daya saing tempatan.
Develop national competitiveness linkages.

Pemudahcara dialog untuk menangani isu-isu daya saing.
Facilitate dialogues to address competitiveness issues.

KAJIAN DAYA SAING DI PERINGKAT NEGERI STATE COMPETITIVENESS STUDY

Menyediakan tanda aras dan amalan-amalan terbaik di peringkat negeri dan wilayah.
Provide benchmarks and best practices at state and regional levels.


Membangunkan profil daya saing negeri dan wilayah.
Develop state and regional competitiveness profiling.

Bekerjasama dengan *stakeholder* di peringkat negeri untuk meningkatkan daya saing.
Engagement with state level stakeholders to enhance competitiveness.

- ABDUL KARIM



MEMUDAHKAN PERNIAGAAN
MAKING BUSINESS EASY



“ Pekerjaan adalah perkara yang paling diutamakan oleh setiap negara. Kunci untuk melahirkan lebih banyak pekerjaan dan membantu pertumbuhan adalah dengan melakukan lebih banyak usaha - dalam memperbaiki peraturan dan membantu usahawan.

Jobs are a priority for every country. Doing more to improve regulation and help entrepreneurs is the key to creating jobs - and more growth. ”

— Paul Wolfowitz

KE ARAH PERSEKITARAN PERNIAGAAN YANG LEBIH KONDISIF

Peraturan hendaklah cekap, mudah, dan kos efektif untuk dipatuhi oleh para industri dan peniaga. MPC sentiasa menekankan kepentingan meningkatkan peraturan-peraturan perniagaan sedia ada dan baru dengan menghapuskan prosedur atau keperluan yang tidak diperlukan, mengurangkan pertindihan kawal selia dan memastikan ianya konsisten.

Fokus utama Kajian Semula Peraturan (RR) adalah Amalan Baik Peraturan (GRP) bagi mengurangkan beban kawal selia yang tidak wajar (RURB) dan Memodenkan Pelesenan Perniagaan (MBL) untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif. Akhirnya ini akan merangsang pertumbuhan produktiviti Malaysia dan juga daya saing ke arah mencapai status sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

TOWARDS A MORE CONDUCIVE BUSINESS ENVIRONMENT

Regulations must be efficient, accessible, cost effective and simple for businesses and industries to implement. MPC has always emphasised on the importance of enhancing existing and new business regulation by eliminating unnecessary procedures or requirements, reducing regulatory duplication and enhancing consistency.

The main focus of Regulatory Review (RR) is Good Regulatory Practices (GRP) to reduce Unnecessary Regulatory Burdens (RURB) and to Modernise Business Licensing (MBL) to create a more conducive business environment. Ultimately this would spur Malaysia's productivity growth as well as competitiveness towards achieving a developed and high-income nation status by 2020.



AMALAN BAIK PERATURAN (GRP)

Dalam memastikan kualiti peraturan perniagaan yang baik, kementerian dan agensi perlu mematuhi kehendak GRP selaras dengan standard antarabangsa.

Peraturan perlu digubal dengan cara yang terbuka dan telus. Perundingan awam adalah salah satu mekanisme yang perlu digunakan untuk meningkatkan ketelusan, kecekapan dan keberkesanan.

Pada 15 Julai 2013, Y. Bhg. Tan Sri Dr Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah mengeluarkan *Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013* dan melancarkan *Majlis Pelancaran Dasar Negara dalam Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR)*. Di bawah dasar ini, semua pengawal selia dan pembuat dasar perlu menjalankan *Regulatory Impact Assessment (RIA)* dan membentangkan *Regulatory Impact Statement (RIS)* apabila merangka peraturan baru atau meminda peraturan sedia ada yang memberi kesan kepada perniagaan.

GOOD REGULATORY PRACTICES (GRP)

In ensuring the good quality of business regulation, ministries and agencies have to comply with the GRP requirements in line with the international standard.

Regulation should be drafted in open and transparent manner. Public consultation is one of the mechanisms that have to be applied to improve transparency, efficiency and effectiveness.

On 15 July 2013, Y. Bhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Chief Secretary to the Government had issued *Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2013* and launched *Majlis Pelancaran National Policy on the Development and Implementation of Regulations (NPDIR)*. Under this policy, all regulators and policy makers have to conduct *Regulatory Impact Assessment (RIA)* and present the *Regulatory Impact Statement (RIS)* when drafting new regulation or amending existing regulation which impacted businesses.

PENCAPAIAN INISIATIF GRP PADA TAHUN 2013 DAN SASARAN TAHUN 2014 ACHIEVEMENT OF THE GRP INITIATIVES IN 2013 AND TARGET FOR 2014

	2013 PENCAPAIAN Achievement	2014 SASARAN Target
Bilangan Garis Panduan atau Manual Diterbitkan Number of Guidelines or Manuals Published	4	4
Bilangan Organisasi Menerima Khidmat Nasihat RIA Number of Organisations Receiving Consultation on RIA	10	30
Bilangan Organisasi Menerima Latihan/Bengkel/Seminar Number of Organisations Receiving Training/Workshop/Seminar	117	200
Bilangan Penampilan Dalam Media Number of Appearance in Media	19	25

MENGURANGKAN BEBAN KAWAL SELIA YANG TIDAK WAJAR (RURB)

Inisiatif RURB memberi tumpuan kepada mengenal pasti peraturan-peraturan yang tidak perlu, membebaskan dan bertindih dalam perniagaan mengikut sektor.

REDUCING UNNECESSARY REGULATORY BURDEN (RURB)

The RURB initiative focuses on identifying unnecessary, burdensome and duplicate regulations in businesses by sector.

RINGKASAN PROJEK RURB 2013
SUMMARY OF RURB 2013 PROJECTS

PROJEK Project	HASIL/IMPAK Result/Impact
RURB di Hospital Swasta RURB in Private Hospital Keterangan Projek: Project Synopsis: Mengenalpasti peraturan yang membebankan, kompleks, bertindih. Identify burdensome, complex and redundant regulations.	Hasil: Result: - Mengenalpasti beban peraturan yang tidak wajar iaitu: Identifying burden and unnecessary regulation such as: 4 tahun untuk membina sebuah hospital swasta 4 years to construct a private hospital - Setahun untuk mendapatkan kelulusan bangunan kerana proses yang bertindih yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan A year to obtain building approval due to overlapping processes involving different government agencies Impak: Impact: Meningkatkan kualiti peraturan dan menarik lebih banyak persaingan dalam sektor Penjagaan Kesihatan Swasta Enhancing the quality of regulation and attract more competition in private healthcare sector
RURB dalam Perniagaan RURB on Businesses Keterangan Projek: Project Synopsis: Mengenalpasti peraturan yang membebankan, kompleks, bertindih. Identify burdensome, complex and redundant regulations.	Hasil: Result: 50 cadangan kepada pengawal selia peraturan 50 recommendations to the regulators - Mengenalpasti beban dan sekatan peraturan yang tidak wajar Identifying burdens and regulation restrictions Impak: Impact: Meningkatkan kualiti peraturan dan mencapai hasrat menjadi negara maju menjelang tahun 2020. Improving the quality of regulation and achieving a developed nation by the year 2020
RURB dalam Logistik: Lesen Kenderaan Perdagangan RURB on Logistics: Commercial Vehicle Licensing (CVL) Keterangan Projek: Project Synopsis: Mengurangkan prosedur dan masa yang diambil untuk mendapatkan lesen kenderaan perdagangan. Reducing the time and procedures taken to obtain CVL.	Hasil: Result: - Pengurangan prosedur daripada 8 ke 7 Reduced procedures from 8 to 7 - Pengurangan masa daripada 184 hari ke 23 hari Reduced time from 184 days to 23 days - Potensi pendapatan kepada pihak industri sebanyak RM3.4 bilion RM3.4 billion income projection for industry Impak: Impact: Penjimatan masa dan kos Time and cost savings

PROJEK Project	HASIL/IMPAK Result/Impact
Semakan Semula Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA), 1975 Regulatory Review of Industrial Co-Ordination Act (ICA), 1975 Keterangan projek: Project Synopsis: Mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pembangunan perindustrian dalam persekitaran global yang kompetitif pada masa ini dan juga menarik lebih banyak pelaburan di Malaysia. <i>Creating a conducive environment for industrial development in this global competitiveness era and attracting more investment in Malaysia.</i>	Hasil: Result: • Mengemaskini/pindaan Akta Penyelarasan Industri (ICA), 1975 selaras dengan persekitaran perniagaan yang moden <i>Streamline/amend ICA, 1975 in line with modern business environment</i> • Memperkasakan penyelarasan sektor pengilangan bagi mencapai agenda sosial dan ekonomi <i>Strengthening manufacturing sector co-ordination to achieve economic and social agenda.</i> Impak: Impact: • Mempercepatkan proses permohonan Lesen Pengilangan <i>Expediting application process of Manufacturing License</i> • Meningkatkan persepsi dan kedudukan Malaysia dalam 'Ease of Doing Business Report' <i>Enhancing perception and Malaysia's ranking in the 'Ease of Doing Business Report'</i>
Meningkatkan Kecekapan Dalam Urusan Permit Pembinaan (DCP) Improving Efficiency in Dealing With Construction Permits (DCP) Keterangan Projek Project Synopsis: DCP meliputi Perintah Pembangunan/Kebenaran Merancang sehingga Sijil Layak Menduduki (CCC) <i>DCP covers Development Order/Planning Permission until Certificate of Completion and Compliance (CCC)</i> Inisiatif yang dijalankan adalah: • Kajian dasar dan mengenalpasti halangan <i>Baseline study and barriers identification</i> • Cadangan penyelesaian <i>Proposed solutions</i> • Garis panduan untuk melaksanakan penyelesaian <i>Guidelines for implementation</i>	Hasil: Result: • Pengurangan bilangan prosedur daripada 37 ke 15 <i>Reduced number of procedures from 37 to 15</i> • Pengurangan tempoh masa daripada 140 ke 130 hari <i>Reduced time taken from 140 to 130 days</i> Impak: Impact: • Melonjak ke tangga 43 dalam Laporan <i>Ease of Doing Business 2014</i>. <i>Soared into 43rd ranking in Ease of Doing Business Report 2014.</i>

PEMODENAN LESEN PERNIAGAAN (MBL)

MBL menggunakan pendekatan 'Guillotine' iaitu mengkaji kualiti pelesenan perniagaan dengan menilai kesahihan undang-undang, keperluan dan kesesuaian. Melalui kaedah ini, apa sahaja lesen yang tidak memenuhi justifikasi perundangan dan tidak lagi diperlukan akan dihapuskan, dan apa-apa keperluan yang tidak mesra perniagaan akan dipermudahkan serta dipindahkan ke sistem atas talian.

MODERNISING BUSINESS LICENSING

MBL applied the 'Guillotine' approach which includes reviewing the quality of business licencing by assessing the legality, necessity and appropriateness. Through this method, whatever business licenses that did not meet legislative justifications and are no longer needed would be abolished and any requirements that are not business-friendly would be simplified and automated.

**RINGKASAN PROJEK MBL 2013
SUMMARY OF MBL 2013 PROJECTS**

PROJEK Project	HASIL/IMPAK Result/Impact
MBL Peringkat Persekutuan MBL at Federal Level Keterangan Projek: Project Synopsis: Memantau kemajuan pelaksanaan lesen-lesen yang dimansuhkan, direkayasa dan automasi ke sistem BLESS di 23 buah kementerian dan agensi di bawahnya. Monitor the implementation progress of abolishment, simplification and automation in BLESS system at 23 ministries and its agencies.	Hasil: Result: 717 lesen telah direkayasa dan dikompositkan menjadi 448 lesen 717 licenses were re-engineered and composited into 448 licenses 9 lesen telah dimansuhkan 9 licenses were abolished 122 lesen telah diautomasikan ke sistem BLESS 122 licenses were automated into BLESS system Impak: Impact: - Mengurangkan beban peraturan Reduced regulatory burden - Mengurangkan bilangan prosedur dan tempoh kelulusan Reduced number of procedures and approval time - Mewujudkan suasana mesra perniagaan Create business-friendly environment - Meningkatkan kecekapan Increase efficiency
MBL Peringkat Negeri – Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak, Selangor, Sarawak dan Sabah MBL at State Level – Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Perak, Selangor, Sarawak dan Sabah Keterangan Projek: Project Synopsis: Mengenalpasti isu-isu birokrasi dan mencadangkan peluang penambahbaikan dalam proses permohonan dan kelulusan lesen-lesen perniagaan di negeri terlibat. Identify bureaucracy issues and propose improvement opportunities in the process of application and approval of business licenses in the states involved.	Hasil: Result: 942 lesen telah disemak dan dikomposit menjadi 311 942 licenses were reviewed, reengineered and composited into 311 461 lesen telah dikomposit dan dipermudahkan 461 licenses were composited and re-engineered - Tanda aras - Johor telah mengurangkan tempoh kelulusan dari 22 ke 5 hari Benchmark – Johor reduced approval time from 22 to 5 days - Tanda aras – Melaka telah mengurangkan bilangan prosedur dari 16 ke 8 prosedur Benchmark – Melaka reduced number of procedures from 16 to 8 procedures Impak: Impact: - Meringankan beban komuniti perniagaan Reduced business community's burden - Mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif Create conducive business environment - Meningkatkan kecekapan Increase efficiency

PROJEK Project	HASIL/IMPAK Result/Impact
Projek Pusat Khidmat Sehati (OSS) One Stop Service (OSS) Project Keterangan Projek: Project Synopsis: MPC berperanan sebagai penyelaras bagi perkongsian amalan terbaik dan memperkemas pelaksanaan OSS yang sedia ada di Malaysia. MPC serves as the coordinator for best practices sharing and streamlining the implementation of existing OSS in Malaysia.	Hasil: Result: • Meningkatkan prestasi OSS Improve performance of OSS • Mengurangkan kos pematuhan Reduce compliance cost Impak: Impact: • Mengurangkan beban peraturan Reduced regulatory burden • Meningkatkan kecekapan dan penyeragaman Increase efficiency and standards



PENYELIDIKAN YANG INOVATIF
INNOVATIVE RESEARCH



chapter 3

“ Sesuatu perubahan yang bersifat kekal dan bermakna semuanya bermula daripada imaginasi kita sebelum ianya berubah sifat menjadi sesuatu benda atau perkara. Imaginasi adalah lebih penting daripada ilmu.

All meaningful and lasting change starts first in your imagination and then works its way out. Imagination is more important than knowledge.”

— Albert Einstein

PENGURUSAN PENGETAHUAN

PENYELIDIKAN PRODUKTIVITI DAN DAYA SAING

Seperti tahun-tahun terdahulunya, MPC meneruskan peranannya menerbitkan hasil-hasil penyelidikan Produktiviti dan Daya Saing dalam bentuk laporan prestasi Produktiviti, indeks produktiviti dan status laporan industri-industri tertentu yang boleh diguna pakai untuk perancangan dan pembangunan dasar dalam bidang produktiviti dan daya saing. Untuk mencapai wawasannya dalam menyediakan hasil penyelidikan berimpak tinggi, MPC telah bekerjasama dengan industri dan juga rakan-rakan perkongsiannya. Jenis-jenis penyelidikan yang dijalankan oleh MPC dikategorikan seperti berikut:

Kajian Industri .i

Kajian industri atau penyelidikan strategi asas menyediakan kajian tentang pengetahuan dan mana-mana perkembangan terbaru berkaitan dengan produktiviti, kualiti dan daya saing. Ini termasuk pembangunan manual latihan dan model rangka kerja dalam meningkatkan produktiviti, pengukuran dan amalan-amalan terbaik.

Kaji Selidik Industri .ii

Kaji selidik industri menyediakan pangkalan data prima dan analisis aliran semasa. Projek penyelidikan berjaya mengubah data berkaitan dengan produktiviti, kualiti dan daya saing kepada format statistik dan indikator. Analisis trend yang dilakukan boleh diguna pakai oleh industri untuk menambahbaik kecekapan perniagaan.

Kajian Kes .iii

Kajian kes menyediakan data-data dan maklumat berkaitan dengan kecemerlangan industri, amalan terbaik dan tanda aras yang boleh dirujuk oleh industri. MPC telah bekerjasama dengan industri dan rakan kongsi untuk membangunkan hasil penyelidikan berimpak tinggi.

KNOWLEDGE MANAGEMENT

PRODUCTIVITY AND COMPETITIVENESS RESEARCH

As in previous years, MPC continues its tradition to publish Productivity and Competitiveness research activities which provide inputs for the Productivity report, productivity indices and status report of selected industries which serve as useful inputs for policy formulation and planning in the areas of productivity and competitiveness. In achieving its vision of developing high impact research results, MPC has collaborated with industry and also has joint venture partners. The types of research conducted by MPC are categorised as follows:

i. Industry Study

Industry study or basic strategy research provides study on knowledge and any latest development in relation to productivity, quality and competitiveness. This includes the development of training manual and framework model in productivity improvement, measurement and best practices.

ii. Industry Survey

Industry survey provides primary database and analysis of current trends. The research project managed to transform data in relation to productivity, quality and competitiveness to the statistical and indicator format. Trends analysis carried out can be used by industry to enhance business efficiency.

iii. Case study

Case study provides data and information related to industry excellence, best practices and benchmarking that may be referred to by industry. MPC collaborated with industry and joint venture partners to develop high impact research results.

RAJAH 1: OUTPUT PENYELIDIKAN MPC PADA 2013 MENGIKUT BAHAGIAN
FIGURE 1: MPC RESEARCH OUTPUT ACCORDING TO DIVISION FOR YEAR 2013



OUTPUT PENYELIDIKAN DAN PETUNJUK PRESTASI

Pada tahun 2013, sejumlah 10 projek penyelidikan berjaya disiapkan. Output penyelidikan MPC telah diedar dan dikongsi dengan sektor awam, persatuan industri, organisasi bukan kerajaan (NGOs), kerajaan dan institusi pengajian tinggi. Output berkenaan telah digunakan oleh organisasi-organisasi tersebut sebagai saranan bagi penggubalan polisi ekonomi dan undang-undang negara juga sebagai rujukan pelbagai pihak.

RESEARCH OUTPUT AND PERFORMANCE INDICATOR

In 2013, a total of 10 research projects were completed. MPC research outputs were distributed and shared among the public sector, industry associations, non-governmental organisations (NGOs), government and higher learning institutions. They used it as recommendations to formulate the national economy policy and legislations as well as references for others.

RAJAH 2: PENYELIDIKAN MPC PADA 2013 MENGIKUT BIDANG UTAMA
FIGURE 2: MPC RESEARCH ACCORDING TO MAIN AREAS IN 2013



Rajah 2 menunjukkan output penyelidikan MPC mengikut bidang-bidang utama berikut:

Figure 2 shows MPC research outputs according to the following main areas:

- | | | |
|----------------------------|---|--------------------------|
| Penyelidikan Pengetahuan | • | Knowledge Research |
| Prestasi Produktiviti | • | Productivity Performance |
| Penandaarasan | • | Benchmarking |
| Daya Saing | • | Competitiveness |
| Kecemerlangan Perkhidmatan | • | Service Excellence |

PENYELIDIKAN MPC YANG DISIAPKAN PADA 2013
MPC RESEARCH COMPLETED IN 2013

JUDUL Title	BAHAGIAN Division	BIDANG UTAMA PENYELIDIKAN Main Areas of Research	JENIS PENYELIDIKAN Type of Research
1. International Trade and Investment Indices: A Study on Malaysia's Performance 2013	DAYA SAING GLOBAL Global Competitiveness	DAYA SAING Competitiveness	KAJI SELIDIK Survey
2. Malaysia Competitiveness Report	DAYA SAING GLOBAL Global Competitiveness	DAYA SAING Competitiveness	KAJI SELIDIK Survey
3. Annual Productivity Performance 2012/2013	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PRESTASI PRODUKTIVITI Productivity Performance	KAJIAN INDUSTRI Industry Study
4. Customer Satisfaction Index (CSI) for Transport Industry (Rail) and Selected Companies	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN Service Excellence	KAJIAN INDUSTRI Industry Study
5. Development of Malaysia Industrial Productivity Database for KLEMS	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PRESTASI PRODUKTIVITI Productivity Performance	KAJIAN INDUSTRI Industry Study
6. Kajian Kepuasan Bekerja Warga MITI dan Agensi 2013	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PENYELIDIKAN PENGETAHUAN Knowledge Research	KAJI SELIDIK Survey
7. Kajian Pembangunan Portal Produktiviti MPC	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PENYELIDIKAN PENGETAHUAN Knowledge Research	KAJI SELIDIK Survey
8. Study to Determine the Technological and Innovation Capabilities of Malaysian-Owned Companies	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PENYELIDIKAN PENGETAHUAN Knowledge Research	KAJIAN INDUSTRI Industry Study
9. Benchmarking Project on Private Hospitals (Phase 1)	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PENANDAARASAN Benchmarking	KAJIAN INDUSTRI Industry Study
10. Benchmarking Project on Employee Productivity (Phase 1)	PENGURUSAN PENGETAHUAN Knowledge Management	PENANDAARASAN Benchmarking	KAJIAN INDUSTRI Industry Study

PENERBITAN-PENERBITAN MPC

Selaras dengan peranan MPC sebagai pemangkin kepada pertumbuhan produktiviti dan daya saing Malaysia, MPC berperanan menyebarkan pengetahuan melalui pelbagai penerbitan dan kajian kes bagi memastikan capaian yang lebih luas kepada industri-industri. Penerbitan MPC adalah dalam bentuk cetakan dan elektronik yang diedarkan kepada pihak awam dan industri.

Pada tahun 2013, MPC telah menerbitkan 43 penerbitan dengan edaran sebanyak 2,655.

Penerbitan-penerbitan ini merangkumi pelbagai topik seperti Daya Saing, Inovasi dan Kreativiti, Kecemerlangan Organisasi, Produktiviti dan Peningkatan Kualiti.

MPC PUBLICATIONS

